

## ***Tazkiyah al Mal* Melalui Kewangan Islam**

**Zulkifli Hasan**

**Blog: <http://zulkiflihasan.wordpress.com>**

### **Pendahuluan**

*Tazkiyah* merupakan proses penyucian yang diperlukan oleh setiap individu mahupun organisasi atau institusi bagi menjamin mendapat kerahmatan, keberkatan dan keredhaan Allah. *Tazkiyah* melibatkan proses ilmu dan amal bagi mensucikan hati dan membentuk keikhlasan yang menjadi penentu kepada penerimaan hidayat dan nur dari Allah. Melalui aspirasi *Tazkiyah* ini jugalah berlakunya perkembangan disiplin ilmu *tasawwuf* sehingga hari ini. Teori berkaitan rindu, *ma'rifat*, *fana'*, *baqa'* dan persoalan *nafs*, *ruh*, *'aql* dan *qalb* serta konsep *zuhud* dan *uzlah* menjadi metode penyucian jiwa dan rohani.

Menurut pemerhatian, perbincangan mengenai konsep *Tazkiyah* banyak memfokuskan kepada aspek *al Nafs* iaitu penyucian diri atau jiwa. Agak kurang persoalan tentang *Tazkiyah al Mal* menjadi topik perbincangan yang seharusnya diberi perhatian yang sama. Di samping *Tazkiyah al Nafs* melalui zikir, amalan ibadah serta *amal ma'ruf nahi munkar*, *Tazkiyah al Mal* juga wajib dijadikan keutamaan. Sehubungan dengan itu, artikel ini akan membincangkan secara ringkas mengenai kepentingan *Tazkiyah al Mal* dan cuba menjelaskan ruang lingkup yang boleh dilaksanakan bagi tujuan ini dalam konteks kehidupan moden masa kini.

### ***Tazkiyah al Mal***

Islam menuntut setiap individu mahupun organisasi, institusi termasuk negara untuk melaksanakan proses *Tazkiyah al Mal*. Imam Shatibi di dalam kitabnya yang masyhur '*al Muwafaqat*' meletakkan *al Mal* sebagai salah satu daripada *maqasid Shari'ah* iaitu memelihara agama, aqal, diri, keturunan dan harta atau *al Mal*. Manusia sebagai pemegang amanah kepada *al Mal* yang dipinjamkan oleh Allah untuk sementara perlu dipelihara dan menepati sepenuhnya kehendak syarak di mana ianya menuntut satu proses pensucian atau *Tazkiyah*. Di antara proses *Tazkiyah* atau pensucian *al Mal* dalam Islam merujuk kepada pelaksanaan kewajipan zakat dan juga amalan menjauhi *riba* dan apa-apa perkara yang bersangkutan dengannya. Memandangkan topik *riba* ini agak kurang diperbincangkan sebagai salah satu metode *Tazkiyah al Mal* berbanding zakat, penulis mengambil peluang untuk membicarakan secara ringkas dan khusus mengenai *Tazkiyah al Mal* melalui amalan menjauhi *riba* dalam kehidupan.

Al Quran telah meletakkan *riba* sebagai salah satu dosa besar. Jika ditelusuri sejarah penurunan ayat al Quran, ayat terakhir diturunkan kepada Rasulullah *Sallalallahu alaihi wasallam* ialah ayat bersangkutan dengan *riba*. Jumhur secara umumnya bersetuju bahawa ayat yang mula-mula diturunkan ialah 5 ayat pertama daripada surah al-'Alaq, surah al-Taubah sebagai surah panjang terakhir, surah al-Nasr surah pendek terakhir dan ayat 275 hingga 281 surah al-Baqarah merupakan ayat terakhir diturunkan<sup>1</sup>. Ini adalah riwayat yang paling rajih di mana 'Umar dan 'Abdullah

---

<sup>1</sup> Seperti juga arak, pengharaman *riba* berlaku secara berperingkat. Fasa pertama (surah al rum ayat 39) merujuk kepada penolakan anggapan bahawa pinjaman *riba* yang pada zahirnya seolah-olah menolong mereka yang memerlukan sebagai suatu perbuatan mendekati atau taqarrub kepada Allah. Fasa kedua (Surah al-Nisa ayat 161) Allah menggambarkan *riba* sebagai suatu yang buruk dan mengancam akan memberi balasan yang keras kepada sesiapa yang memakan *riba*. Fasa ketiga (surah al Imran ayat 130), al

Ibn 'Abbas mengatakan ayat *riba* ini diturunkan 9 hari sebelum kewafatan Rasulullah *Sallalallahu alaihi wasallam* sebagaimana yang diriwayatkan juga oleh Sa'id bin Jubayr dan Ibn Jurayj<sup>2</sup>.

Berdasarkan riwayat di atas, secara rasionalnya kewajiban untuk menjauhi segala amalan berkaitan merupakan perkara yang sangat *awla* dalam kehidupan. Jika diambil analogi seorang yang sedang tenat dan menghampiri maut, sudah tentulah perkara yang paling penting akan diwasiatkan kepada waris. Begitu juga dengan ayat terakhir diturunkan oleh Allah kepada rasul-Nya sebelum wafat, semestinya peringatan untuk menjauhi amalan *riba* merupakan satu perkara yang sangat-sangat *awla* dan perlu diberikan perhatian serius oleh umat Islam. Berdasarkan analogi ini, adalah bermanfaat untuk kita merujuk dan menganalisis ayat 278-279 surah al Baqarah<sup>3</sup>.

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوا اللّٰهَ وَذَرُوْا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَاۤ اِنْ كُنْتُمْ  
مُّؤْمِنِيْنَ ﴿٢٧٨﴾

"Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan tinggalkan sisa *riba* (yang belum dipungut) jika kamu orang-orang yang beriman".

فَاِنْ لَّمْ تَفْعَلُوْا فَاذْنُوْا بِحَرْبٍ مِّنَ اللّٰهِ وَرَسُوْلِهِۦ ۗ وَاِنْ تَابْتُمْ فَلَكُمْ  
رُءُوْسُ اَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُوْنَ وَلَا تُظْلَمُوْنَ ﴿٢٧٩﴾

"Maka jika kamu tidak mengerjakan meninggalkan sisa *riba*, maka ketahuilah, bahwa Allah dan rasul-Nya akan memerangimu. Dan jika kamu bertaubat dari pengambilan *riba*, maka bagimu pokok hartamu; kamu tidak menganiaya dan tidak pula dianiaya".

Jika dirujuk kepada *asbabun nuzul* ayat ini. Abu Ja'far Muhammad bin Jarir Ath Thabary meriwayatkan bahawa kaum Tsaqif, penduduk kota Thaif, telah membuat suatu kesepakatan dengan Rasulullah bahawa semua hutang dan piutang mereka yang ada unsur *riba* dibekukan dan dikembalikan hanya pokoknya saja. Setelah pembukaan Makkah, Rasulullah melantik Itab bin Usaid sebagai Gabenor Makkah yang juga meliputi kawasan Thaif sebagai daerah administrasinya. Sejak zaman jahiliah, bani Amr bin Umair bin Auf merupakan pihak yang sentiasa meminjamkan wang secara *riba* kepada Bani Mughirah. Setelah kedatangan Islam, mereka tetap memiliki kekayaan dan asset yang banyak melalui amalan ini. Suatu ketika datanglah Bani Amr untuk menagih hutang dengan tambahan *riba* dari Bani Mughirah. Namun pada waktu itu, bani Mughirah telah

---

Quran mengharamkan *riba* yang dikaitkan kepada suatu tambahan yang berlipat ganda. Fasa terakhir (surah al Baqarah ayat 275-281) dengan jelas Allah mengisytiharkan perang terhadap golongan yang terlibat dengan *riba*.

2 Walaupun ada pendapat yang meriwayatkan bahawa ayat terakhir diturunkan ialah ayat 3 surah al Maidah, namun demikian ayat ini diterima oleh Rasulullah 2 bulan 22 hari sebelum baginda wafat.

3 Sudah semestinya ayat-ayat al Quran ini akan menyentuh jiwa dan rohani kepada sesiapa yang cuba menghayatinya dan beriman dengannya sepertimana yang tertera di dalam surah Al-Anfal ayat 2:

اِنَّمَا الْمُؤْمِنُوْنَ الَّذِيْنَ اِذَا ذُكِرَ اللّٰهُ وَجِلَّتْ قُلُوْبُهُمْ وَاِذَا تَلَيَّتْ  
عَلَيْهِمْ ءَايٰتُهُ زَادَتْهُمْ اِيْمٰنًا وَعَلٰى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُوْنَ ﴿٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman ialah mereka yang bila disebut nama Allah gemetarlah hati mereka, dan apabila dibacakan ayat-ayatNya bertambahlah iman mereka (kerananya), dan hanya kepada Tuhanlah mereka bertawakkal.

memeluk Islam dan menolak untuk memberikan tambahan *riba* tersebut. Maka dilaporkanlah masalah tersebut kepada Gabenor Itab bin Usaid. Gabenor Itab menulis surat kepada Rasulullah dan turunlah ayat surah al Baqarah 275-281. Rasulullah lantas menulis surat balasan kepada Gabenor Itab dan mengisytiharkan jikalau Bani Amr bin Umair bin Auf redha dengan ketentuan Allah maka itu baik, tetapi jikalau mereka menolaknya maka Rasulullah akan isytihar perang kepada mereka.

Menerusi pengisytiharan perang oleh Rasulullah *Sallalallahu alaihiwasallam* di dalam riwayat di atas berdasarkan ruh ayat 278-279 surah al Baqarah, dapat disimpulkan bahawa usaha-usaha memastikan setiap harta dan rezeki yang diterima bebas dari *riba* merupakan salah satu metode pensucian *al Mal. Tazkiyah al Mal* melalui menjauhi dan mengelakkan dari terlibat dengan *riba* ini perlu berlaku di setiap peringkat sama ada individu, institusi termasuk negara. Tuntutan ini amat jelas kerana amalan *riba* telah dibuktikan terdapatnya elemen penindasan, ketidakadilan dan kezaliman.

Secara umumnya, usaha *Tazkiyah al Mal* melalui pemeliharaan harta dari unsur *riba* perlu dilaksanakan pada setiap transaksi dan aktiviti kehidupan. Di peringkat individu perlu memastikan setiap transaksi muamalat yang di buat bebas dari unsur *riba* seperti pembiayaan perumahan, kad kredit, peribadi dan kereta. Di peringkat institusi, entiti perniagaan, badan bukan kerajaan, persatuan, kelab, masjid, sekolah, universiti dan apa sahaja bentuk institusi yang lain perlu memastikan akaun dan setiap transaksi yang berlaku perlu dipastikan tiada unsur *riba*. Begitu juga di peringkat negara di mana kerajaan dan jenteranya seperti kementerian, badan berkanun dan lain-lain wajib berusaha untuk melaksanakan apa sahaja transaksi yang berteraskan *Shari'ah*. Segala pelaburan, simpanan dan sistem yang digunapakai perlu bebas dari segala unsur *riba*. Malangnya hingga kini, didapati masih terdapat individu Muslim, institusi perniagaan termasuk persatuan dan badan bukan kerajaan yang dimiliki orang Islam serta institusi kerajaan yang masih mempunyai akaun dan berurusan dengan bank konvensional yang jelas terlibat dengan aktiviti berlandaskan *riba*. Jika kita menghayati maksud dan pengajaran dari ayat di atas, sesungguhnya kelalaian dan kealpaan dalam melaksanakan tuntutan Allah ini tidak akan berlaku.

### **Implikasi Ketiadaan *Tazkiyah Al Mal***

Berpandukan kepada pengajaran yang didapati melalui ayat 278-279 di atas, penulis berpandangan bahawa kebangkitan umat Islam yang diimpikan selama ini tidak akan berlaku sepenuhnya jika sistem dan amalan bersangkutan dengan *riba* masih lagi diamalkan. Malahan ianya tidak mungkin berlaku kerana dengan jelas amalan seumpama ini mendapat kemurkaan Allah dan rasulNya. Kebejatan sosial dan keruntuhan akhlak serta kemunduran umat Islam pada hari ini sebenarnya adalah akibat daripada kurang mendapat rahmat Allah. Hal ini dijelaskan dan diperingatkan oleh Rasulullah di dalam banyak hadis.

#### **(i) Peringatan oleh Rasulullah *Sallalallahu alaihiwasallam***

- "Akan datang suatu zaman kepada manusia, mereka memakan *riba*." Lalu ada yang bertanya. "Apakah semua manusia wahai Rasulullah ?." Sabdanya. "Orang yang tidak memakannya namun terkena debunya." [Riwayat Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah]
- Jauhilah tujuh perkara yang membinasakan. Syirik, Sihir, membunuh tanpa hak, makan harta anak yatim, makan *riba*, lari dari medan peperangan kerana takut

dan menuduh perempuan yang suci dengan zina tanpa saksi adil. “ [Riwayat Al-Bukhari dan Muslim.]

- "Satu dirham *riba* dosanya lebih berat daripada dosa orang berzina tiga puluh enam kali ." [Hadith Riwayat Muslim]
- “*Riba* mempunyai 73 pintu, *Riba* yang paling ringan (dosanya) seperti seorang lelaki berzina dengan ibunya”. [Hadith Riwayat Ibnu Majah]

Melalui hadis di atas di samping ayat larangan *riba*, para sahabat dan *fuqaha* memberi amaran keras tentang azab dan balasan kepada sesiapa yang mengamalkan *riba*. Ibn Abbas umpamanya berkata: “Akan dikatakan kepada pemakan *riba* di hari kiamat : "ambillah senjata kamu untuk berperang dengan Allah *Subhanahuwataala* kerana Allah dalam mengistiharkan atau mengizinkan perang ke atasnya" [Jami Al-Bayan ‘An Takwil Ayyi Al-Quran, At-Tabari, 3/68 ; Ad-Durru Al-Manthur, As-Suyuti, 3/366]. Beliau juga berkata: “Tidak diterima dari pemakan *riba* ( yang menggunakan harta *riba* tadi) sedeqahnya, hajinya, jihadnya dan persaudaraannya.” [Al-Jami’ li Ahkamil Quran, Al-Qurtubi, 3/362 ; Az-Zawajir ‘An ‘Iqtiraf al-Kabair , ibid, 1/224]. Imam Malik Bin Anas pula berkata: “Telah ku buka lembaran-lembaran Kitab Allah *Subhanahuwataala* dan Sunnah Nabi *Sallalallahu alaihiwasallam* dan tidak ku dapati (dosa) yang lebih buruk dari *Riba*, kerana Allah *Subhanahuwataala* dalam mengistiharkan atau mengizinkan perang ke atasnya” [Al-Jami’ Li Ahkam Al-Quran, Al-Qurtubi, 3/364 ]. Ini diikuti dan disepakati oleh Imam Abu Hanifah yang mengatakan: “*Riba*, inilah ayat didalam al Quran yang paling menakutkan.” [Rujuk At-Tabari, Hamisyh An-Naisaburi, 4/73].

## (ii) **Bukti 'Empirical' Peringatan Rasulullah *Sallalallahu alaihiwasallam***

Bukti jelas peringatan Rasulullah dapat disaksikan kepada apa yang berlaku pada umat Islam masa kini. Kemunduran dari aspek ekonomi, pendidikan, teknologi dan lain-lain jelas menunjukkan bahawa umat Islam sebenarnya mengalami krisis dengan Allah *Subhanahuwataala*. Hipotesis yang disebutkan di dalam al Quran mengenai pengisytiharan perang dengan golongan yang terlibat dengan *riba* dan hadis Rasulullah yang memberi peringatan keras tentang azab dan implikasinya secara jelas menunjukkan mengapa dan kenapa umat Islam mundur dan ketinggalan dari pelbagai sudut selama ini. Berikut ialah beberapa fakta tentang situasi umat Islam masa kini:-

- 57 negara OIC iaitu 25% daripada jumlah keluasan dunia dan 70% daripada pengeluaran minyak dunia. GDP hanya 4.7% daripada GDP dunia, eksport hanya 7.9% daripada jumlah eksport dunia dan 1.3% daripada perdagangan dunia.
- 51.5% muslim di 26 negara OIC berpendapatan USD2 sehari dan 24.6% kurang dari USD1 sehari.
- 1.8 bilion orang Islam dengan Qatar di tangga pertama pendapatan perkapita di dunia USD83,841 dan Brunei di tangga kelima dengan USD49,110 dan 7 negara OIC diklasifikasi negara pendapatan tinggi tetapi 22 negara diklasifikasikan sebagai 'Low-income countries' dan 'Heavily Indebted and Poor Countries'.
- 70-85% daripada 1.8 bilion orang Islam diklasifikasikan sebagai 'non-bankable'. 50% hidup di bawah garis kemiskinan dan miskin tegar serta 25% tiada akses pada kemudahan perubatan dan air bersih.

- GDP negara OIC, melainkan Turki dan Indonesia adalah lebih kecil daripada syarikat di senarai bursa saham di barat. GDP Malaysia pada 2009 hanya USD193 billion, bersamaan dengan “market capitalisation” Google.
- Daripada 57 negara, hanya ada 500 universiti, bersamaan dengan 1 universiti bersamaan 3 juta muslim dan purata 8.7 universiti setiap negara. Di Amerika sahaja ada 5,758 universiti purata 115 universiti setiap negeri. Negara OIC juga hanya keluarkan 500 PhD setahun berbanding 5,000 di UK.

### **Tazkiah *al Mal* Melalui Kewangan Islam**

Setelah jatuhnya empayar Turki Uthmaniah sebagai mewakili pemerintahan kerajaan Islam, hampir semua negara Islam telah dijajah dan yang paling malang ialah sistem ekonomi telah digantikan dengan sistem berpaksikan kepada *riba*. Kesemua negara hingga kini mengamalkan sistem kewangan berlandaskan *riba* termasuk negara-negara Islam. Akhirnya setelah tidur selama hampir ratusan tahun, kebangkitan Islam yang umumnya bermula pada abad ke 19 telah membuka ruang kepada penghasilan idea ekonomi Islam sebagai salah satu pendekatan untuk memajukan umat. Melalui idea ini, pada 1960an telah tertubuhnya institusi kewangan Islam bebas *riba* di Mesir dan seterusnya hingga kini terdapat lebih 500 institusi di lebih 75 buah negara di dunia.

Dalam konteks taklif untuk memastikan urusan kehidupan bebas dari unsur *riba*, *Tazkiyah al Mal* berbentuk mikro (individu) dan makro (institusi atau negara) perlu menjadi salah satu dari matlamat utama. Melihat kepada zaman kegelapan umat Islam iaitu sewaktu penjajahan imperialis barat, berbanding dengan umat Islam pada waktu itu, kita sebenarnya amat beruntung kerana telah terdapat institusi kewangan Islam yang menyediakan pelbagai instrumen kemudahan kewangan. Oleh itu sebarang usaha ke arah membebaskan kehidupan dari *riba* perlu dianggap sebagai ibadah dan satu cabang jihad ekonomi yang perlu dilaksanakan. Sheikh Hussain Shahatah di dalam bukunya 'Jihad Ekonomi' secara jelas menyatakan bahawa jihad ekonomi adalah kefarduan yang telah ditentukan oleh syarak dan keperluan yang dituntut oleh akidah.

Dalam konteks masa kini, kewangan Islam bukan lagi alternatif bahkan ianya merupakan kewajipan kepada umat Islam. Penulis berhipotesis dan berpandangan bahawa kebangkitan Islam hanya akan berlaku secara menyeluruh dan kegemilangan semula umat Islam juga hanya akan tercapai jika dapat membebaskan dari sistem dan transaksi yang berlandaskan *riba*. Mana mungkin umat Islam akan bangkit semula dan mendapat keberkatan dan rahmatNya jika sistem yang diamalkan merupakan pencetus peperangan denganNya dan rasulNya.

Jika ditinjau perkembangan kewangan Islam, setakat ini sektor perbankan Islam hanya mewakili peratusan kecil sektor perbankan dunia iaitu tidak sampai 1% meliputi saiz US\$1 trilion daripada US\$232 trilion. Di Malaysia, dengan bilangan penduduk seramai 28 juta di mana 60.4% Muslim, jumlah aset perbankan Islam hanya menjangkau 20% daripada total aset perbankan. Indonesia yang mempunyai penduduk Muslim paling ramai di dunia iaitu 88% daripada 234.6 juta hanya merekodkan 2.9% aset perbankan Islam. Begitu juga di Pakistan dengan 170 juta penduduk, 97% Muslim, aset perbankan Islam hanya mencapai 6.4%. Di Kuwait dengan 3.6 juta penduduk, 100% Muslim, aset perbankan Islam hanya mencecah 34.3%. Di Qatar, dihuni 1.4 juta penduduk, 95% Muslim, merekodkan 19.3% aset perbankan Islam. Arab Saudi dengan 25% jumlah seluruh simpanan minyak dunia mempunyai 26.1 juta penduduk, 100% Muslim, aset

perbankan Islam hanya 15.9%. UAE mempunyai 5.1 juta penduduk, 96% Muslim, hanya mencatatkan 14% aset perbankan Islam. Bahrain merekodkan hanya 10.9% aset perbankan Islam. Fakta ini dengan jelas menunjukkan hampir kesemua negara di dunia Islam tidak mengamalkan sistem berlandaskan *Shari'ah* secara menyeluruh. Hal ini menimbulkan tanda tanya mengenai kesedaran dan keghairahan umat Islam untuk merealisasikan perintah Allah agar menjauhi riba dalam setiap aspek kehidupan.

Di samping melihat kewangan Islam sebagai salah satu mekanisme mematuhi perintah Allah dari aspek larangan amalan *riba*, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pelbagai kritikan kepada amalan dan perlaksanaannya yang dikatakan tidak memenuhi *maqasid Shari'ah* dan gagal meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat. Mahmud El Gamal, Timur Kuran, Muhammad Umar Chapra, Killian Balz, Muhammad Saleem dan Mehmet Asutay misalnya telah mengkritik pelaksanaan kewangan Islam yang dilihat cenderung kepada sistem ekonomi kapitalis. Ramai juga cendekiawan yang berpandangan produk kewangan Islam mempunyai unsur *riba* dalam erti kata yang lain. Namun demikian, perkara ini bukanlah faktor yang boleh melepaskan tanggungjawab kita untuk bertransaksi dengan institusi kewangan Islam. Sekurang-kurangnya endorsemen dari penasihat *Shari'ah* di setiap institusi kewangan Islam mahupun di peringkat nasional dan antarabangsa termasuk *Majma Fiqh Islami* dan badan-badan *Shari'ah* yang lain. Usaha-usaha memperbetul dan mentransformasikan amalan kewangan Islam melalui kritikan dan proses pentarbiyahan juga merupakan satu tuntutan agama. Ini bertepatan dengan ruh yang terkandung di dalam ayat 55 surah *al dhariyat* yang bermaksud "*Dan tetaplah memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu bermanfaat bagi orang-orang yang beriman*".

## **Kesimpulan**

Seiring dengan perkembangan semasa dan keperluan kehidupan dalam konteks masyarakat pada hari ini, keperluan kepada instrumen kewangan dan institusi yang bebas dari amalan *riba* merupakan satu tuntutan yang wajib dilaksanakan. Insan mahupun institusi dan negara yang berjaya menyucikan harta mereka akan mampu melaksanakan tujuan asal penciptaannya iaitu sebagai hamba Allah dan *Khalifah* di muka bumi ini. Ayat 278-279 yang memberi peringatan kepada tercetusnya peperangan dengan Allah dan rasulnya kepada golongan yang terlibat dengan *riba* sudah pastinya menimbulkan kegerunan dan ketakutan kita kepada azab yang dijanjikan. Sudah tiba masanya kita melakukan transformasi dalam kehidupan melalui usaha-usaha untuk memastikan setiap urusan kehidupan yang membabitkan *al Mal* bebas daripada unsur yang dimurkai Allah. Ini sudah pastinya perlu dimulakan di peringkat individu dan diikuti keluarga, masyarakat, institusi dan negara. Hanya dengan mentaati perintah Allah dan rasulNya kita akan mendapat keredhaan dan seterusnya menjamin *al falah* di dunia dan akhirat.